

FATWA LARANGAN AMALAN DAN KAEDAH PERUBATAN ADAM BIN ISA

Diwartakan dibawah Seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002



Panduan kepada umat Islam mengenai larangan amalan perubatan yang menyeleweng daripada ajaran Islam.

“ LATAR BELAKANG FATWA

Fatwa ini diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka di bawah Seksyen 35 dan disiarkan menurut Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

”

Fatwa ini berkaitan dengan :

Amalan dan aktiviti perubatan Pusat Perubatan Islam Jarak Jauh Sunan Kalijaga, Pusat Terapi atau apa-apa nama amalan yang dikaitkan dengan Adam bin Isa serta pengikutnya.

Amalan tersebut didapati **menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar** dan bercanggah dengan pegangan **Ahli Sunnah Wal Jamaah**.

UNSUR PENYELEWENGAN

Antara unsur penyelewengan dalam amalan perubatan tersebut ialah:

Menggunakan jin dalam aktiviti perubatan, contohnya melakukan pembedahan batin.

Rawatan menaikkan seri wajah di dakwa menggunakan Nur Allah dan Nur Muhammad.

Mengamalkan bacaan ayat Al-Quran dengan bilangan yang sangat banyak sebagai syarat rawatan yang bercanggah dengan hukum syarak.

Contoh amalan bacaan:

Surah Al-Fatihah

- 10,000 kali sehari selama 7 hari

Surah Al-Kafirun

- 10,000 kali sehari selama 7 hari

Surah Al-Ikhlâs

- 10,000 kali sehari selama 7 hari

Surah An-Nas

- 10,000 kali sehari selama 7 hari

Surah Al-Hasyr ayat 21-24

- 10,000 kali sehari selama 7 hari

KAEDAH RAWATAN YANG MEMUDARATKAN



Kaedah rawatan yang digunakan juga boleh membahayakan pesakit seperti:

- 1 Mencengkam tubuh pesakit dengan kuat
- 2 Menekan tubuh pesakit secara kasar
- 3 Duduk di atas badan pesakit semasa rawatan

Perkara ini boleh mendatangkan kemudaratan kepada pesakit dan bertentangan dengan garis panduan pengubatan Islam.



HUKUM & LARANGAN

Amalan dan kaedah perubatan yang dijalankan oleh Adam bin Isa dan pengikutnya adalah:

SESAT-DAN-HARAM-DIAMALKAN

- ◆ Mendapatkan rawatan daripada mereka.
- ◆ Mempelajari kaedah tersebut.
- ◆ Mengajar atau menyebarkan amalan tersebut.
- ◆ Mengamalkan kaedah perubatan tersebut.

SERUAN KEPADA UMAT ISLAM



Mana-mana individu yang pernah:

Mendapatkan rawatan

Mempelajari

Mengamalkan

Menyebarkan amalan tersebut

Hendaklah segera bertaubat kepada Allah SWT, meninggalkan amalan tersebut dan memohon keampunan.



Imbas QR kod

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.